

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang Akademik 1996/97

Oktober/November 1996

HSA 101 Pengantar Sejarah

Masa: [3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI SEMBILAN [9] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan: SATU [1] soalan daripada Bahagian A, SATU [1] soalan daripada Bahagian B, SATU [1] soalan daripada Bahagian C dan satu lagi daripada mana-mana Bahagian.

Bahagian A

1. “Walaupun benar bahawa para ahli sejarah pada dasarnya tidak membuat satu pemisahan mutlak di antara pemikiran reflektif dan unsur-unsur yang bukan reflektif, namun apa yang tidak boleh dinafikan ialah hakikat bahawa mereka memberi keutamaan kepada soal pemikiran reflektif.” (R. Suntharalingam) Bincangkan.
2. Mengapa sumber sejarah perlu diuji untuk kesahihan? Dengan contoh-contoh yang sesuai bincangkan bagaimana ahli sejarah menjalankan tugas ini.
3. “Penjelasan sejarah yang dianjurkan oleh aliran materialis, walaupun menarik, masih memperlihatkan kelemahan kerana ia tidak mempertimbangkan faktor-faktor lain seperti institusi, idea dan nilai.” Bincangkan.

.../2

**Bahagian B**

4. "Soal Sejarah Melayu sebagai sumber untuk penulisan sejarah Malaysia khusus zaman Kesultanan Melaka telah menimbulkan banyak pandangan yang berlainan di kalangan ahli sejarah." Bincangkan.
5. Berpandukan kepada Hukum Kanun Melaka, bincangkan matlamat dan pelaksanaan sistem keadilan di Melaka lama.
6. "Dari segi perkembangan tradisi penulisan sejarah Melayu, Raja Ahmad dan Raja Ali Haji masih terus membelenggu diri dengan alam penulisan sejarah Melayu yang diwarisi turun temurun bercorak traditional." Setujukah anda dengan pernyataan tersebut?

**Bahagian C**

7. Berdasarkan surat Weld kepada Kimberley bertarikh 21hb. Oktober 1880, bincangkan tujuan sebenarnya Gabenor Weld dan juga kenalpastikan bukti-bukti yang termaktub dalam surat itu yang menunjukkan bahawa ia adalah seorang imperialis yang ingin memperluaskan empayar British di Tanah Melayu.
8. Berdasarkan minit-minit Persidangan Persatuan-Persatuan Melayu, "Adalah nyata bahawa corak pergerakan politik Melayu sebelum Perang Dunia Kedua dapat dibayangkan dalam usul-usul yang dibentangkan semasa Persidangan itu." Bincangkan.
9. Didasarkan petikan-petikan daripada Fajar Asia, apakah dasar Pentadbiran Jepun di Tanah Melayu terhadap kaum Melayu?

--oo000oo--